



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 26 FEBRUARI – 1 MAC 2021**

**BIL. 9 /2021**



## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 1 Mac 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 275,903** atau 91.2 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **25,542 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **1,828 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **302,580 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.6 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **1,821 kes atau 58.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 7 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.1 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (21.5 peratus), Zon Selatan (19.3 peratus), Zon Utara (10.2 peratus) dan Zon Pantai Timur (3.9 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** antaranya diterajui menerusi catatan **di Johor dan Selangor** dengan masing-masing **merekodkan 490 dan 453 kes** disusuli Sarawak (220 kes), Negeri Sembilan (167 kes), Perak (144 kes), Sabah (104 kes) dan Pulau Pinang (85 kes). Sejumlah **1,135 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **5 kematian terbaru**.

Krisis kesihatan yang berpanjangan ini turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ekonomi dunia digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

**AS: Faedah tuntutan pengangguran mingguan turun dengan mendadak walaupun pasaran buruh sedang menghadapi cabaran** seperti ribut musim sejuk yang melanda Texas dan bahagian lain di wilayah selatan AS. Labor Department AS melaporkan bahawa sebanyak 730,000 jumlah tuntutan faedah untuk minggu yang berakhir pada 20 Februari 2021. Jumlah ini adalah jauh di bawah anggaran Dow Jones sebanyak 845,000. Jumlah tersebut juga menunjukkan penurunan yang mendadak dari 841,000 pada minggu sebelumnya (7 hingga 13 Februari 2021). Walaupun jumlah tuntutan turun ke tahap terendah sejak 28 November 2020, jumlah ini adalah masih jauh dari paras pra-pandemik COVID-19. **Sementara itu, laporan Bureau of Economic Analysis, US Department of Commerce menunjukkan KDNK AS ST4 2020 (disemak) mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sedikit berbanding anggaran awalan**. Ekonomi AS meningkat 4.1% pada suku keempat berbanding kenaikan 4.0% yang dilaporkan sebelumnya. Semakan ini adalah disumbangkan oleh data terkini pelaburan tetap kediaman, pelaburan inventori swasta, dan kerajaan negeri dan tempatan. Walau bagaimanapun, semakan menaik ke atas komponen

tersebut telah diimbangi oleh semakin menurun ke atas perbelanjaan pengguna kepada pertumbuhan 2.4% berbanding 2.5% yang dilaporkan sebelumnya. **Laporan terkini National Association of Realtors (NAR) menunjukkan jualan kediaman tertahan (*pending home sales*) AS mencatatkan penurunan yang mendadak pada bulan Januari 2021.** Indeks penjualan kediaman tertahan jatuh -2.8% kepada 122.8 pada bulan Januari setelah meningkat sebanyak 0.5% kepada 126.4 pada bulan Disember 2020. Penganalisis ekonomi menjangkakan penjualan kediaman tertahan kekal tidak berubah berbanding penurunan yang dilaporkan pada bulan sebelumnya. Penurunan pada bulan Januari adalah disebabkan kekurangan penawaran rumah untuk memenuhi permintaan di pasaran. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, laporan menyatakan bahawa terdapat peningkatan permit dan permohonan pembinaan kediaman baharu. (CNBC, RTT)

**EU: Keyakinan pengguna Itali meningkat pada Februari 2021.** Hasil tinjauan Pejabat Statistik Itali ISTAT menunjukkan, Indeks Keyakinan Pengguna meningkat kepada 101.4 pada bulan Februari daripada 100.7 yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini adalah lebih tinggi berbanding jangkaan penganalisis ekonomi pada skor 101.0. Sementara itu, Indeks Keyakinan Pembuatan meningkat kepada 99.0 pada bulan Februari daripada 95.6 pada bulan sebelumnya. Penganalisis ekonomi mengunjurkan peningkatan yang kecil kepada skor 96.0. Manakala Indeks Sentimen Ekonomi Itali pula meningkat kepada 91.5 pada bulan Februari daripada 83.4 pada bulan sebelumnya. Keyakinan perniagaan meningkat kepada 93.2 pada bulan Februari daripada 88.3 pada bulan sebelumnya. Bagi sektor Pembinaan, indeks sentimen meningkat kepada 141.9 daripada 138.0 pada bulan sebelumnya. Petunjuk untuk sektor Perkhidmatan pula meningkat kepada 85.7 dari 82.2 pada bulan Januari dan sub-sektor Peruncitan turut menunjukkan peningkatan kepada 93.8 dari 88.3 yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. (RTT)

**ASIA: Eksport Hong Kong (HK) bagi Januari 2021 mencatatkan peningkatan paling tinggi semenjak 1992,** disokong oleh aktiviti eksport ke negara-negara di Asia. Peningkatan ini dipacu oleh permintaan sempena “sambutan Tahun Baharu Cina” serta pemulihan ekonomi yang lebih luas sejajar peningkatan keyakinan terhadap kemunculan vaksin COVID-19. Eksport meningkat 44% tahun ke tahun pada bulan Januari, lebih baik daripada median hasil tinjauan Bloomberg ke atas unjuran penganalisis ekonomi pada kadar 30.5%. Import turut meningkat pada kadar 37.7% dan defisit perdagangan pada jumlah HK HKD25.2 bilion (AS\$3.9 bilion). Eksport ke China telah menjadi pendorong utama pemulihan ekonomi Hong Kong. Walaupun ekonomi Hong Kong mencatatkan penguncupan 6.1% secara keseluruhan pada tahun 2020, lonjakan eksport ke China bermula pada bulan September membantu HK kembali mencatatkan pertumbuhan suku tahun ke suku tahun pada separuh akhir tahun ini. **Di Jepun, Indeks Pelopor** yang mengukur prospek aktiviti ekonomi pada masa hadapan, jatuh ke 95.3 pada bulan Disember 2020 dari 96.1 yang dicatatkan pada bulan November 2020. Indeks ini adalah lebih tinggi berbanding anggaran awal pada nilai indeks 94.9. Indeks Serentak menurun kepada 88.3 pada bulan Disember 2020 daripada 89.0 pada bulan sebelumnya. Anggaran awal adalah pada 87.8. Manakala, Indeks Susulan tidak berubah pada 90.8 pada bulan Disember 2020. **Di Taiwan, aktiviti**

**pengeluaran industri negara tersebut meningkat dan kadar penganggurannya kekal stabil.** Ministry of Economic Affairs melaporkan, output industri meningkat 18.81% tahun ke tahun pada bulan Januari 2021, setelah mencatatkan peningkatan pada kadar 10.29% pada bulan Disember 2020. Output sektor Pembuatan melonjak 19.67% tahun ke tahun pada bulan Januari, setelah kenaikan 10.80% pada bulan sebelumnya. Manakala pengeluaran dalam sektor Perlombongan dan Quari meningkat 17.68%. Pengeluaran bekalan elektrik dan gas, dan bekalan air pula masing-masing meningkat 8.36% dan 0.76%. (Bloomberg, RTT)

**AS: Sentimen pengguna (disemak) naik sedikit lebih tinggi daripada yang dianggarkan pada awal Februari 2021.** Semakan semula ke atas anggaran sentimen pengguna yang dikeluarkan oleh University of Michigan menunjukkan sentimen pengguna AS bagi Februari 2021 merosot tetapi pada nilai indeks lebih tinggi kepada 76.8, dari anggaran awalan pada nilai indeks 76.2. Walau bagaimanapun, nilai indeks ini kekal lebih rendah dari sentimen pengguna pada Januari 2021, yang mencatatkan nilai indeks pada 79.0. Penurunan sentimen pada Februari berbanding bulan sebelumnya didorong oleh sentimen bagi isi rumah berpendapatan di bawah AS75 ribu, dengan penurunan tertumpu pada prospek ekonomi masa hadapan. (RTT)

**ASIA: Ekonomi China berpotensi meningkat pada kadar 8-9% pada tahun ini.** Walau bagaimanapun, bank pusat China (People's Bank of China) menyatakan bahawa peningkatan ini tidak bererti negara tersebut telah kembali ke zaman "pertumbuhan tinggi" seperti yang pernah dicatatkan pada awal dekad, tetapi lebih disebabkan oleh kesan asas iaitu pertumbuhan yang rendah dicatatkan pada tahun 2020 (KDNK China 2020: 2.3%). Laporan turut menyebut bahawa China akan melancarkan laporan pentadbiran kerajaan pada 5 Mac ini yang biasanya merangkumi sasaran pertumbuhan KDNK untuk tahun rujukan. **Di Jepun, pengeluaran sektor Pembuatan negara matahari terbit itu meningkat untuk pertama kalinya dalam tiga bulan pada Januari 2021.** Peningkatan output perindustrian Jepun ini disokong oleh peningkatan permintaan global. Walau bagaimanapun, jualan runcit yang menjadi ukuran utama perbelanjaan pengguna mencatat penurunan untuk bulan kedua berturut-turut pada bulan Januari 2021. Penurunan ini adalah kesan dari langkah kerajaan bagi mengekang penularan pandemik ini yang membataskan pergerakan isi rumah. Sementara itu, laporan menunjukkan output Pembuatan meningkat 4.2% pada bulan Januari 2021, didorong oleh kenaikan mendadak pengeluaran alatan elektronik dan jentera am, serta kenaikan kecil pengeluaran kenderaan. (Reuters, RTT, Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **MIDF Research** mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (**KDNK**) negara akan **berkembang** sebanyak **5.4 peratus** bagi tahun **2021**. Elemen positif seperti pengedaran vaksin dan pengembangan dasar fiskal dan monetari, aspek permintaan dan penawaran dijangka mendorong pertumbuhan ekonomi yang lebih baik terutamanya mulai **Q2 2021** dan seterusnya.
2. Melalui dapatan **Statistik Kecenderungan Perniagaan suku tahun pertama 2021**, **peniaga** dijangka **lebih berhati-hati pada suku pertama tahun ini** dengan mencatatkan **-11.3 peratus** berbanding -10.8 peratus pada suku tahun lalu. **Sektor Industri** merupakan sektor utama menunjukkan **isyarat pemulihan** namun masih dalam sentimen pesimis dengan petunjuk keyakinan -4.4 peratus pada suku pertama tahun 2021 berbanding -7.5 peratus pada suku tahun keempat 2020.
3. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan fasa kedua (**PKP 2.0**) yang membenarkan lebih banyak sektor ekonomi dibuka menyaksikan **kerugian negara berkurangan** kepada **RM300 juta sehari berbanding RM2.4 bilion sehari** semasa **PKP 1.0**. Lebih banyak sektor ekonomi beroperasi semasa PKP 2.0 berbanding PKP terdahulu bagi mengimbangi aspek kesihatan rakyat dan juga tekanan ekonomi semasa.
4. **Eksport Malaysia** mengekalkan **pertumbuhan positif** bagi lima bulan berturut-turut, apabila **meningkat 6.6 peratus** kepada **RM89.63 bilion** pada bulan lalu berbanding Januari 2020. Pertumbuhan **disokong** oleh kenaikan permintaan global terutama bagi barangan elektrik dan elektronik (**E&E**), keluaran **getah** serta **pembelian awal** sempena musim perayaan.
5. **Sasaran Kerajaan** untuk mengutip **cukai** sebanyak **RM143.9 bilion** bagi **2021** mampu dicapai dengan **memperluaskan jaringan pembayar cukai yang berpotensi**. Pada tahun 2020, LHDN mencatatkan hasil kutipan cukai sebanyak RM123.1 bilion lebih tinggi 1.14 peratus daripada sasaran yang ditetapkan Kerajaan iaitu RM121.7 bilion.
6. Peningkatan **harga minyak** dan **kekurangan semikonduktor global** akan **memacu eksport** sektor utama di **Malaysia** untuk beberapa bulan akan datang. Eksport produk elektronik adalah pemacu utama pertumbuhan, didorong penurunan semikonduktor global. **Eksport ke China dan Singapura** yang kedua-duanya adalah pengeksport utama **elektronik** masing-masing **meningkat 26 peratus** dan **lima peratus**.

7. **Petronas** mencatatkan **kerugian selepas cukai (LAT)** termasuk kemerosotan nilai sebanyak **RM21 bilion** bagi tahun kewangan **2020**, sebahagian besar disebabkan **penyusutan harga minyak mentah** yang menyaksikan purata harga direalisasikan lebih rendah untuk semua produk selain gangguan permintaan yang menyebabkan jumlah jualan lebih rendah daripada gas diproses, produk petroleum dan gas asli cecair.
8. Malaysia telah menerima sejumlah **RM109.8 bilion pelaburan baharu dalam sektor ekonomi termasuk pembuatan dan perkhidmatan** bagi sembilan bulan pertama 2020. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 2,935 projek terlibat dengan 64,701 jawatan diwujudkan. Bagi meningkatkan aktiviti pelaburan, beberapa **insentif cukai telah diperkenalkan** di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) termasuk 10-15 tahun pengecualian cukai bagi pelaburan langsung asing baharu di dalam sektor pembuatan dengan modal pelaburan RM300 juta dan lebih.
9. Kerajaan **mengekalkan paras siling RON95 dan diesel**, masing-masing RM2.05 dan RM2.15 seliter, walaupun **harga Automatic Pricing Mechanism (APM) meningkat** lebih 10 sen, berbanding kadar ditetapkan. Paras harga siling RON95 dan diesel itu dikekalkan bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global.
10. Seramai **8.45 juta rakyat** telah mula menerima **bayaran fasa pertama Bantuan Prihatin Rakyat** meliputi peruntukan sebanyak RM1.93 bilion. Terdapat 110,000 e-hailing, teksi, bas sekolah dan pemandu bas pelancong menerima bantuan Permai bernilai RM500 setiap seorang dengan jumlah peruntukan RM55 juta. Fasa pertama Program Subsidi Upah telah mencapai agihan sejumlah RM12.76 bilion, memanfaatkan 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja.
11. Seramai **1,065,423 rakyat Malaysia** sudah mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera untuk menerima **vaksin Covid-19**.
12. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasarkankan **Tahap Sara Diri (SSL) bagi bekalan beras** dalam negara mencapai **75 peratus dalam tempoh lima tahun**. Tahap SSL bekalan beras dalam negara dapat menampung 70 peratus keperluan manakala bakinya diimport membabitkan beras premium termasuk basmathi serta beras perang.
13. **Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) mikro yang tidak berdaftar** dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau mana-mana persatuan perniagaan **tidak berpeluang untuk menerima bantuan kerajaan** untuk perniagaan.

14. **Majikan yang masih belum mendaftar** dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan **dikecualikan daripada membayar Faedah Caruman Lewat Bayar**. Diskaun juga diberikan bagi kompaun kepada majikan yang telah melepasi tarikh akhir. Kedua-dua insentif adalah sempena perayaan **Jubli Emas PERKESO**. Terdapat 8.57 juta pekerja mencarum dengan PERKESO melibatkan hampir 490 ribu majikan aktif.
15. **Kemerosotan harga emas** yang dijangka berlaku 6 bulan pertama tahun 2021 adalah kerana **kadar faedah dan inflasi yang rendah di seluruh dunia** serta **pelaksanaan program vaksinasi** yang menyebabkan peniaga beralih kepada ekuiti.
16. Pusat membeli belah **eCurve** bakal **menamatkan operasi** secara rasmi di Mutiara Damansara, Petaling Jaya pada **penghujung Mac** ini. Penutupan ini menjadikan **pusat beli belah** terbabit merupakan yang **pertama** mengambil keputusan sedemikian.
17. Seramai **6,000 pemandu bas sekolah** telah **bertukar kerja** kerana **hilang pendapatan** akibat penutupan sekolah sejak Mac 2020 akibat COVID-19 termasuk berdepan kos penyelenggaraan, cukai jalan dan pemeriksaan yang tinggi.

<b>A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Bernama</b> 26 Feb 2021 (Non-essential)	<p><b>MBAM: Tambah baik Akta COVID19 bagi kebaikan sektor pembinaan</b></p> <p>Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) berharap kerajaan dapat memperbaiki lagi Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Impak Penyakit COVID19 untuk menawarkan perlindungan yang lebih baik dan kekal kepada pemain industri pembinaan.</p> <p>MBAM bersama lima persatuan pembinaan lain, dalam satu memorandum bersama telah merayu kepada kerajaan untuk penangguhan selama setahun agar lebih tersedia dari segi masa dan kewangan untuk mematuhi keperluan pindaan terkini Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1935668">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1935668</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 27 Feb 2021 (Essential)	<p><b>Pengeluaran i-Lestari RM18.1 bilion – KWSP</b></p> <p>Sejumlah RM18.1 bilion telah dikeluarkan oleh 5.16 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerusi Skim Pengeluaran Akaun 2 i-Lestari.</p> <p>Selain itu, Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) khusus untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk membantu PKS menguruskan</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/790777/pengeluaran-i-lestari-rm181-bilion-kwsp">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/790777/pengeluaran-i-lestari-rm181-bilion-kwsp</a>



		aliran tunai dan memenuhi kewajipan membayar sebahagian caruman KWSP serta mengekalkan pekerja telah dimanfaatkan oleh 13,090 majikan dengan jumlah kumulatif RM84.95 juta.	
3.	<b>Bernama</b> 1 Mac 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Ekonomi negara bertambah baik pada 2021 sejajar pemulihan ekonomi dunia: PM Muhyiddin</b></p> <p>KDNK dunia pada tahun 2021 diunjurkan kembali pulih pada kadar 5.5% manakala perdagangan dunia turut diunjur kembali berkembang pada kadar 8.1%.</p> <p>Pemulihan ekonomi negara akan turut diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang lebih 80% daripada KDNK.</p> <p>Permintaan domestik diunjur mencatat pertumbuhan yang stabil disokong oleh penambahbaikan dalam pasaran buruh, kadar inflasi yang rendah dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan serta penerusan semula projek utama infrastruktur.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1936198">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1936198</a>
4.	<b>Berita Harian</b> 1 Mac 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>CIDB bakal peruntuk RM7 juta bantu majikan saring pekerja asing</b></p> <p>Peruntukan berjumlah RM7 juta akan disalurkan bagi membantu majikan terutama syarikat kecil sederhana menyegerakan</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/791508/cidb-bakal-peruntuk-rm7-juta-bantu-majikan-saring-pekerja-asing">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/791508/cidb-bakal-peruntuk-rm7-juta-bantu-majikan-saring-pekerja-asing</a>

	<p>saringan COVID-19 terhadap pekerja asing yang berdaftar, dalam usaha mengurangkan jangkitan di tapak pembinaan.</p> <p>Peruntukan ini disediakan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Peruntukan ini akan membantu menampung bebanan kos khususnya kepada syarikat kecil dan sederhana.</p>	
--	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – MBAM bersama lima persatuan pembinaan lain, dalam satu memorandum bersama telah merayu kepada kerajaan untuk penangguhan selama setahun agar lebih tersedia dari segi masa dan kewangan untuk mematuhi keperluan pindaan terkini Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

Maklumbalas Bahagian:

1. Pandemik COVID19 turut memberi impak kepada sektor pembinaan di mana terdapat beberapa kes baharu yang dikesan melalui kawasan tapak bina yang disebabkan oleh kondisi penginapan pekerja yang padat dan tidak mengikut SOP. Kerajaan terpaksa menutup beberapa Kawasan ini bagi membolehkan proses sanitasi dijalankan. Pada tahun 2020, sektor pembinaan yang menyumbang sebanyak 4.0% kepada KDNK negara merekodkan pertumbuhan negatif dua digit sebanyak 19.4% berbanding 0.1% yang dicatatkan pada tahun 2019.

<b>B.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>		
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
	<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>		
1.	<p><b>Utusan Malaysia</b>  <b>26.2.2021</b>  <b>(Non-essential)</b></p>	<p><b>Industri vape sedia dikawal selia kerajaan</b></p> <p>Malaysia merupakan antara pengeluar e-cecair terbesar di dunia dan mempunyai permintaan yang tinggi dari negara-negara seperti Kuwait, United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS) Indonesia, Filipina dan Cambodia,</p>	<p><a href="https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/industri-vape-sedia-dikawal-selia-kerajaan/">https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/industri-vape-sedia-dikawal-selia-kerajaan/</a></p>

		<p>didorong oleh tahap kualiti produk yang tinggi selain menepati garis panduan dan standard dikeluarkan negara-negara berkenaan.</p> <p>Selain itu, ia mampu menarik pelabur asing untuk melabur dalam industri vape tempatan sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam jangka masa yang panjang.</p>	
2.	<p><b>Harian Metro</b> <b>26.2.2021</b> <b>(Essential)</b></p>	<p><b>Lazada Bonus Baharu Tawar Penjimatan Tambahan</b></p> <p>Lazada melancarkan ciri Lazada Bonus baharu yang menawarkan penjimatan tambahan kepada pelanggannya sempena jualan ulang tahun Ke-9 Lazada sepanjang Mac ini.</p> <p>Pelanggan berpeluang menikmati penjimatan tambahan menerusi diskaun sehingga RM40 dalam satu transaksi.</p>	<p><a href="https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/678495/lazada-bonus-baharu-tawar-penjimatan-tambahan">https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/678495/lazada-bonus-baharu-tawar-penjimatan-tambahan</a></p>
3.	<p><b>Harian Metro</b> <b>26.2.2021</b> <b>(Non-essential)</b></p>	<p><b>Peraduan Hargai Pelanggan Honda</b></p> <p>Honda Malaysia menawarkan tujuh model edisi khas (SE) untuk dimenangi sempena kempen <i>1 Million Dreams</i> bagi meraikan kejayaan jualan satu juta keretanya. Kempen itu diadakan sebagai tanda penghargaan syarikat berkenaan terhadap sokongan padu pelanggannya selama ini.</p> <p>Honda Malaysia juga berusaha untuk menyediakan platform digital menyeluruh bagi pelanggannya dengan</p>	<p><a href="https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/678357/peraduan-hargai-pelanggan-honda">https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/678357/peraduan-hargai-pelanggan-honda</a></p>

		<p>meningkatkan aplikasi HondaTouch dan platform pra-tempahan digital dalam era pendigitalan dan norma baharu ketika ini dengan memuat turun dan mendaftar melalui aplikasi HondaTouch, bermain <i>1 Million Dreams Quiz Game</i> di laman web rasmi Honda Malaysia, pandu uji kereta Honda, menempah kereta baharu Honda, servis atau baik pulih kereta Honda atau mendaftarkan kereta baharu Honda dalam tempoh kempen ini berlangsung.</p>	
4.	<p><b>Utusan Malaysia</b>  <b>27.2.2021</b>  <b>(Essential)</b></p>	<p><b>Petronas Berjaya Kurangkan Kos</b></p> <p>Petronas mencatatkan kerugian selepas cukai (LAT) termasuk kemerosotan nilai sebanyak RM21 bilion bagi tahun kewangan 2020, berbanding keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM40.5 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Sebahagian besar disebabkan penyusutan harga minyak mentah yang menyaksikan purata harga direalisasikan lebih rendah untuk semua produk selain gangguan permintaan yang menyebabkan jumlah jualan lebih rendah daripada gas diproses, produk petroleum dan gas asli cecair.</p>	<p><a href="https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/petronas-berjaya-kurangkan-kos/">https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/petronas-berjaya-kurangkan-kos/</a></p>
5.	<p><b>News Straits Times</b>  <b>27.2.2021</b>  <b>(Essential)</b></p>	<p><b>#JOM! SHOP: A Supermarket Grab This 3.3</b></p> <p>The main grouse in conjunction with Shopee 3.3 Supermarket Sales, Shopee Xpress gives you</p>	<p><a href="https://www.nst.com.my/lifestyle/jom/2021/02/669493/jom-shop%C2%A0-supermarket-grab-33">https://www.nst.com.my/lifestyle/jom/2021/02/669493/jom-shop%C2%A0-supermarket-grab-33</a></p>

		<p>'Next-Day Delivery' facilities in most of Peninsular Malaysia (excluding Perlis, Kedah, Kelantan and Terengganu) by offering a wide range of more than 11,000 products from food to household needs.</p> <p>Customers who visit Shopee during Supermarket Sale 3.3 will be able to enjoy free shipping with a minimum expenditure of RM10, 50% discount per day, as well as offers from as low as 33 sen.</p>	
6.	<p><b>Harian Metro</b>  <b>28.2.2021</b>  <b>(Non-Essential)</b></p>	<p><b>Pemburu Kilauan Emas</b></p> <p>Penurunan harga emas sejak tahun lalu menyebabkan jualan peniaga barangan kemas memperoleh jualan antara RM1 juta hingga RM1.5 juta sebulan berbanding RM500,000 sebelum ini.</p> <p>Jualan hampir 1,300 peniaga emas negara yang berdaftar menunjukkan peningkatan sehingga sekali atau dua kali ganda.</p> <p>Selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu, harga pasaran emas agak tinggi sehingga mencecah RM269 segram. Bagaimanapun, harganya menurun disebabkan kekurangan pelanggan akibat pergerakan terhad. Ia turun antara RM220, RM222, RM248 dan RM250.</p>	<p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/678995/pemburu-kilauan-emas">https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/678995/pemburu-kilauan-emas</a></p>

7.	<b>Malaysian Gazette</b> <b>28.2.2021</b> <b>(Non-Essential)</b>	<b>Dagangan Emas Dijangka Menurun</b>  Pasaran niaga hadapan emas di Bursa Malaysia Derivatives dijangka mengalami dagangan dengan kecenderungan menurun minggu depan, berikutan peningkatan pulangan ke atas bon, terutamanya di Amerika Syarikat (AS). Harga emas fizikal turun RM6.63 kepada RM222.35 segram pada Jumaat daripada RM228.98 segram pada Jumaat minggu lepas.	<a href="https://malaysiagazette.com/2021/02/28/dagangan-emas-dijangka-menurun/">https://malaysiagazette.com/2021/02/28/dagangan-emas-dijangka-menurun/</a>
8.	<b>The Malaya Post</b> <b>1.3.2021</b> <b>(Essential)</b>	<b>Pusat Beli-Belah eCurve di Mutiara Damansara akan Tutup Operasi Secara Rasmi Mulai 31 Mac 2021</b>  Pusat membeli belah eCurve bakal menamatkan operasi secara rasmi di Mutiara Damansara, Petaling Jaya pada penghujung Mac ini. Penutupan ini menjadikan pusat beli belah terbabit merupakan yang pertama mengambil keputusan sedemikian.	<a href="https://www.themalaypost.my/pusat-beli-belah-ecurve-di-mutiara-damansara-akan-tutup-operasi-secara-rasmi-mulai-31-mac-ini/">https://www.themalaypost.my/pusat-beli-belah-ecurve-di-mutiara-damansara-akan-tutup-operasi-secara-rasmi-mulai-31-mac-ini/</a>
9.	<b>Harian Metro</b> <b>1.3.2021</b> <b>(Non-Essential)</b>	<b>Niaga Secara Berkumpulan</b>  Dmagia Sdn Bhd, syarikat tempatan yang membangunkan dan memasarkan produk kesihatan akan memperkenalkan program rakan niaga iaitu Dmagia USE dalam usaha membantu penggunaannya menjana pendapatan kedua.  Program ini juga menawarkan satu program latihan (Dmagia Elite Club dan Dmagia Academy)	<a href="https://www.hmetro.com.my/pks/2021/03/679256/niaga-secara-berkumpulan">https://www.hmetro.com.my/pks/2021/03/679256/niaga-secara-berkumpulan</a>

		<p>dengan modul pengurusan perniagaan secara profesional, teknik pemasaran dan pelbagai aktiviti keusahawanan secara percuma bersama bimbingan mentor perniagaan terpilih dan berkelayakan.</p> <p>Disamping menawarkan peluang niaga secara berkumpulan dengan menyediakan struktur perniagaan kukuh, sistem ganjaran yang adil serta latihan keusahawanan tersusun untuk menyumbang kepada masyarakat.</p>	
10.	<p><b>News Strait Times</b>  <b>1.3.2021</b>  <b>(Essential)</b></p>	<p><b>'Recognise Retailers as The Next Important Group for COVID-19 Vaccination'</b></p> <p>The Malaysian Retailers Association (MRA) has asked retailers to be recognized as the front line, allowing them to be in a critical position as the "critical pillars" of the country's economy and to be eligible for the Covid-19 vaccination.</p> <p>Retailers are also an important front-line group, well protected, especially when there is daily exposure to Covid-19 risk which has held an important position as the "critical pillar" of the country's economy.</p>	<p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/03/670042/recognise-retailers-next-important-group-covid-19-vaccination">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/03/670042/recognise-retailers-next-important-group-covid-19-vaccination</a></p>
<p><b>B. Subsektor Pengangkutan &amp; Penyimpanan</b></p>			
11.	<p><b>Malaysia Gazette</b>  <b>26.2.2021</b>  <b>(Non-Essential)</b></p>	<p><b>Separuh Pengusaha Bas Sekolah Tukar Kerja</b></p> <p>Separuh pemandu bas sekolah telah bertukar kerja untuk</p>	<p><a href="https://malaysiagazette.com/2021/02/26/separuh-pengusaha-bas-sekolah-tukar-kerja/">https://malaysiagazette.com/2021/02/26/separuh-pengusaha-bas-sekolah-tukar-kerja/</a></p>

		meneruskan kehidupan. Gabungan Persatuan Bas Sekolah Malaysia mempunyai 12,000 ahli, tetapi separuh daripada jumlah itu telah bertukar kerja, manakala separuh lagi meneruskan perkhidmatan.	
--	--	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

Penemuan penting & isu:

1. Cukai yang dikenakan oleh kerajaan kepada industri vape dapat menyumbang kepada ekonomi negara.
2. Lazada Bonus menawarkan penjimatan tambahan kepada pelanggannya sempena jualan ulang tahun Ke-9 Lazada sepanjang Mac ini.
3. Sempena Kempen *1 Million Dreams* bagi meraikan kejayaan jualan satu juta kereta, Honda Malaysia menawarkan tujuh model edisi khas (SE) untuk dimenangi.
4. Syarikat minyak negara telah mengambil pelbagai langkah bagi mengurangkan impak dan harga minyak mentah.
5. Shopee 3.3 Supermarket Sales, Shopee Xpress menyediakan kemudahan 'Next-Day Delivery' hampir di seluruh Semenanjung Malaysia.
6. Peniaga barangan kemas memperoleh jualan tinggi sepanjang pelaksanaan PKP akibat penurunan harga emas.
7. Pasaran niaga emas di Bursa Malaysia Derivatives dijangka mengalami dagangan penurunan, berikutan peningkatan pulangan ke atas bon.
8. Pusat membeli belah eCurve bakal menamatkan operasi secara rasmi pada penghujung Mac 2021.
9. Dmagia Sdn Bhd, syarikat tempatan produk kesihatan memperkenalkan program rakan niaga dengan menawarkan peluang niaga secara berkumpulan.
10. Persatuan Peruncit Malaysia (MRA) mengatakan bahawa peruncit perlu diiktiraf sebagai barisan hadapan dan layak mendapat vaksinasi Covid-19.
11. Seramai 6,000 pemandu bas sekolah telah bertukar kerja kerana hilang pendapatan akibat penutupan sekolah sejak Mac 2020 akibat COVID-19 termasuk berdepan kos penyelenggaraan, cukai jalan dan pemeriksaan yang tinggi.



Maklumbalas Bahagian:

1. Penurunan harga emas memberi kesan kepada sektor perdagangan Borong & Runcit secara tidak langsung melibatkan industri jualan emas secara borong & runcit secara amnya.
2. Penutupan pusat membeli belah eCurve yang bakal menamatkan operasi secara rasmi pada penghujung Mac akan memberi kesan kepada kejatuhan Sektor Perdagangan Runcit bagi industri Hypermarket.
3. Harga minyak mentah yang susut susulan dari kejatuhan bon dunia akan beri kesan kepada sektor perdagangan Borong & Runcit secara tidak langsung melibatkan kumpulan Lain-lain pengkhususan jualan borong dan Jualan runcit bahan api kenderaan.
4. Banyak perniagaan secara online telah melancarkan kempen bagi merencanakan pembelian barangan keperluan sekolah sempena pembukaan sesi persekolahan.
5. Kekurangan pekerja dalam perkhidmatan bas sekolah dijangka memberi kesan terhadap operasi aktiviti Perkhidmatan bas sekolah (MSIC 49223) terutama kepada bilangan pekerja dan hasil kepada syarikat/pengusaha.

**C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)**

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 26 Feb 2021 ( <i>Essential</i> )	<b>Eksport Malaysia meningkat lima bulan berturut-turut</b>  Eksport Malaysia mengekalkan pertumbuhan positif bagi lima bulan berturut-turut, apabila meningkat 6.6 peratus kepada RM89.63 bilion pada bulan lalu berbanding Januari 2020.  Pertumbuhan disokong oleh kenaikan permintaan global terutama bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran getah serta pembelian awal sempena musim perayaan.  Import pada Januari 2021 turut berkembang 1.3 peratus tahun ke tahun kepada RM73.02 bilion.	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/790382/eksport-malaysia-meningkat-lima-bulan-berturut-turut">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/790382/eksport-malaysia-meningkat-lima-bulan-berturut-turut</a>

		Jumlah perdagangan, katanya meningkat 4.1 peratus kepada RM162.65 bilion, tertinggi yang pernah dicatatkan bagi bulan Januari setakat ini.	
2.	<b>New Straits Times</b> 26 Feb 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Komarkcorp's medical masks ready for exports</b></p> <p>Komarkcorp Bhd, through subsidiary Komark Mask (M) Sdn Bhd, has today received full FDA and CE certification for its suite of medical masks that are 100 per cent manufactured locally in its flagship factory in Balakong.</p> <p>The demand for affordable and certified medical grade masks had seen a constant and steady rise over the past 12 months, as more and more individuals rely on the standard three-ply medical mask as the first line of defence against contracting Covid-19.</p> <p>The company has mobilised 11 separate mask manufacturing lines and is on track to install a further 15 lines by April 2021.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/02/669332/komarkcorp-medical-masks-ready-exports">https://www.nst.com.my/business/2021/02/669332/komarkcorp-medical-masks-ready-exports</a>
3.	<b>Berita Harian</b> 01 Mac 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Sektor minyak, semikonduktor dijangka pacu eksport negara</b></p> <p>Peningkatan harga minyak dan kekurangan semikonduktor global akan memacu eksport sektor utama di Malaysia untuk beberapa bulan akan datang.</p> <p>Walaupun negara melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di kebanyakan negeri yang mempunyai ekonomi paling aktif seperti Selangor, Kuala Lumpur,</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/03/791455/sektor-minyak-semikonduktor-dijangka-pacu-eksport-negara">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/03/791455/sektor-minyak-semikonduktor-dijangka-pacu-eksport-negara</a>

		<p>Johor dan Pulau Pinang sehingga 4 Mac ini, laporan perdagangan Januari baru-baru ini berupaya memberikan keyakinan baharu.</p> <p>Eksport produk elektronik adalah pemacu utama pertumbuhan, didorong penurunan semikonduktor global.</p> <p>Eksport ke China dan Singapura yang kedua-duanya adalah pengeksport utama elektronik masing-masing meningkat 26 peratus dan lima peratus.</p>	
--	--	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Eksport Malaysia mengekalkan pertumbuhan positif bagi lima bulan berturut-turut, apabila meningkat 6.6 peratus kepada RM89.63 bilion pada bulan lalu berbanding Januari 2020. Pertumbuhan disokong oleh kenaikan permintaan global terutama bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran getah serta pembelian awal sempena musim perayaan.
2. Komarkcorp Bhd, melalui anak syarikat Komark Mask (M) Sdn Bhd, hari ini telah menerima persijilan FDA dan CE penuh untuk rangkaian topeng perubatannya yang 100 peratus dihasilkan secara tempatan di kilang utamanya di Balakong. Permintaan untuk topeng gred perubatan yang berpatutan dan diperakui telah meningkat secara berterusan selama 12 bulan yang lalu, kerana semakin banyak individu bergantung pada topeng perubatan tiga lapis standard sebagai garis pertahanan pertama terhadap kontrak COVID-19.
3. Peningkatan harga minyak dan kekurangan semikonduktor global akan memacu eksport sektor utama di Malaysia untuk beberapa bulan akan datang. Eksport produk elektronik adalah pemacu utama pertumbuhan, didorong penurunan semikonduktor global. Eksport ke China dan Singapura yang kedua-duanya adalah pengeksport utama elektronik masing-masing meningkat 26 peratus dan lima peratus.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Nilai eksport Malaysia bagi Januari 2021 adalah RM89,625 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM5,511 juta atau 6.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sektor pembuatan menyumbang 88.0 peratus kepada keseluruhan nilai eksport dengan RM79,362 juta diikuti sektor pertanian (RM4,995 juta atau 5.6 peratus) dan sektor perlombongan

(RM4,932 juta atau 5.5 peratus). Tiga rakan dagangan utama negara adalah negara China dengan nilai eksport RM13,108 juta atau 14.6 peratus, negara Singapura (RM12,919 juta atau 14.4 peratus) dan negara Amerika Syarikat (RM10,312 juta atau 11.5 peratus).

2. Malaysia adalah pengimport bersih pelitup muka yang terkandung dalam kod HS enam digit 63.07.90 *other made up articles, including dress patterns. other than floor-cloths, dish-cloths, dusters and similar cleaning cloths and life-jackets and life-belts* pada 2020 dengan nilai eksport dan import masing-masing berjumlah RM152,256 juta dan RM1.66 bilion. Peningkatan ketara ini berikutan penularan wabak COVID-19 dan penggunaan topeng muka sebagai langkah pertahanan utama dalam menangani wabak ini.
3. Nilai eksport petroleum mentah bagi Januari 2021 adalah RM1,494 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM701 juta atau 31.9 peratus tahun ke tahun. Nilai eksport produk elektrik dan elektronik pula adalah RM36,653 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM4,231 juta atau 13.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Nilai eksport produk elektrik dan elektronik merupakan penyumbang terbesar bagi sektor pembuatan iaitu 46.2 peratus manakala petroleum mentah juga merupakan antara penyumbang terbesar bagi sektor perlombongan sebanyak 30.3 peratus.

**D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)**

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama</b> 26 Feb 2021 ( <i>essential</i> )	<b>SCIB rekod lonjakan ketara untung bersih bersih, perolehan bagi tahun kewangan 2020</b>  Keuntungan bersih Sarawak Consolidated Industries Bhd (SCIB) bagi tahun kewangan berkakhir 31 Dis, 2020 melonjak kepada RM52.17 juta daripada RM 3.15 juta yang direkodkan pada tahun kewangan sebelumnya.	<a href="https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1935364">https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1935364</a>
2.	<b>The Edge Markets</b> 26 Feb 2021 ( <i>essential</i> )	<b>Pecca 2Q net profit jumps 45% to RM6.05m on higher car seat cover sales and growing healthcare segment</b>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/pecca-2q-net-profit-jumps-45-rm605m-higher-car-seat-">https://www.theedgemarkets.com/article/pecca-2q-net-profit-jumps-45-rm605m-higher-car-seat-</a>

		Pecca Group Bhd's net profit for the second quarter ended Dec 31, 2020 (2QFY21) jumped 45% to RM6.05 million, from RM4,15 million a year earlier, on stronger contributions from automotive leather car seat cover sales and a growing healthcare segment.	<a href="#">cover-sales-and-growing-healthcare</a>
